DIPERKENANKAN

Mohor Kerajaan

Tarikh: 21 Februari 1995

**Y.A.M. TENGKU AZMAN SHAH AL-HAJ IBNI ALMARHUM**
**SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH AL-HAJ**
**D.K., S.P.M.S., D.J.M.K.,**
**(TENGKU BENDAHARA SELANGOR)**
**YANG DIPERTUA JEMAAH PEMANGKU RAJA.**

HAMIDAH BT AHMAD
Penolong Pegawai Syariah
Bahagian Undang-Undang
Majlis Agama Islam Selangor

## KAEDAH-KAEDAH PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA KARIAH (NEGERI SELANGOR) 1995

## SUSUNAN KAEDAH

### BAHAGIAN I
### PERMULAAN

Kaedah


1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.


### BAHAGIAN II
### JAWATANKUASA MAIS TENTANG KARIAH MASJID


3. Penubuhan Jawatankuasa MAIS Tentang Kariah Masjid.
4. Fungsi Jawatankuasa MAIS.
5. Mesyuarat Jawatankuasa MAIS.


### BAHAGIAN III
### PENTADBIRAN MASJID


6. Pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah.
7. Penyelia dan penasihat.


### BAHAGIAN IV
### PEMILIHAN NAZIR DAN JAWATANKUASA KARIAH


8. Pemilihan.
9. Kelayakan.
10. Nazir dan Jawatankuasa Kariah sedia ada.
11. Tempoh jawatan.
12. Kekosongan jawatan.



13.
14.
15.
16.
17.
18.
19.
20.
21.
22.
23.
24.
25.
26.
27.
28.
29.
30.
31.
32.
33.

## BAHAGIAN V
## FUNGSI PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA KARIAH


13. Fungsi Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah.
14. Penglibatan anak kariah dalam pentadbiran kariah masjid.
15. Tugas-tugas Nazir.
16. Tugas-tugas Imam.
17. Tugas-tugas Bilal.
18. Tugas-tugas Siak.
19. Tugas-tugas Setiausaha.
20. Tugas-tugas Bendahari.
21. Tugas-tugas angota lain Jawatankuasa Kariah.
22. Tugas-tugas Pemeriksa Kira-kira.


## BAHAGIAN VI
## BIRO-BIRO


23. Penubuhan biro.


## BAHAGIAN VII
## MESYUARAT


24. Mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah.
25. Mesyuarat khas Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah.
26. Mesyuarat agung tahunan.
27. Mesyuarat agung khas.


## BAHAGIAN VIII
## KEWANGAN


28. Elaun atau gaji Imam, Bilal atau Siak.
29. Akaun, penyata kewangan dan wang masjid.
30. Pengauditan akaun.


## BAHAGIAN IX
## PENGAWALAN


31. Pemeriksaan oleh ahli, pegawai MAIS dan pegawai JAIS.
32. Tindakan Pegawai Masjid dsb. yang tidak berpatutan.
33. Penggantungan atau penamatan jawatan.

## BAHAGIAN X
## PELBAGAI

34. Fungsi masjid.
35. Bantahan, dsb., hendaklah dikemukakan kepada MAIS.
36. Kewajipan Imam, Bilal dan Siak untuk mematuhi kaedah 16, 17, dan 18.
37. Pemakaian bagi surau.
38. Alamat surat-menyurat kepada MAIS.

# ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

## KAEDAH-KAEDAH PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA KARIAH (NEGERI SELANGOR) 1995

<u>Sel. En.2/1989</u>

**PADA** menjalankan tugas yang diberikan oleh seksyen 64 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Majlis dengan kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 82 Enakmen itu, Duli yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

### BAHAGIAN I

### PERMULAAN

**Nama dan mula berkuatkuasa**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Februari 1995.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteknya menghendaki makna yang lain -

"anak kariah", berhubungan dengan sesuatu kariah masjid, ertinya seseorang yang tinggal tetap atau pada lazimnya tinggal dalam kariah masjid itu;

"biro" ertinya biro yang ditubuhkan di bawah kaedah 23;

"daerah" ertinya daerah yang ditentukan oleh MAIS bagi maksud Kaedah-Kaedah ini;

"Enakmen" ertinya Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam1989;

"JAIS" ertinya Jabatan Agama Islam Selangor;

"Jawatankuasa Kariah" ertinya Jawatankuasa Kariah yang dibentuk mengikut kaedah 15;

"Jawatankuasa MAIS" ertinya Jawatankuasa MAIS Tentang Kariah Masjid yang ditubuhkan melalui kaedah 3;

"MAIS" ertinya Majlis Agama Islam Selangor;

"Pegawai Masjid" ertinya Nazir, Imam, Bilal dan Siak bagi sesuatu masjid yang dilantik di bawah seksyen 60 Enakmen.

## BAHAGIAN II

## JAWATANKUASA MAIS TENTANG KARIAH MASJID

**Penubuhan Jawatankuasa MAIS Tentang Kariah Masjid**

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Jawatankuasa MAIS Tentang Kariah Masjid yang terdiri daripada

(a) Timbalan Pengerusi MAIS, sebagai Pengerusi;

(b) Pengarah JAIS, sebagai Timbalan Pengerusi;

(c) Ketua Penolong Pengarah Dakwah JAIS, sebagai Setiausaha;

(d) Mufti bagi Negeri Selangor;

(e) seorang wakil MAIS;

(f) seorang wakil Ketua Polis Negeri;

(g) Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan JAIS.

**Fungsi Jawatankuasa MAIS**

4. Jawatankuasa MAIS hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) menasihati MAIS tentang kelayakan sesuatu masjid untuk mendirikan solat Jumaat;

(b) menasihati dan membuat syor kepada MAIS tentang sesuatu sempadan kariah masjid;

(c) menasihati dan membuat syor kepada MAIS tentang kelayakan calon-calon untuk menjadi Pegawai Masjid dan anggota Jawatankuasa Kariah;

(d) mengawasi dan menasihati MAIS tentang kelakuan Pegawai Masjid, anggota-anggota Jawatankuasa Kariah dan anggota jawatankuasa biro; dan

(e) menjalankan apa-apa fungsi lain yang bersampingan dengan fungsi-fungsi yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d)

**Mesyuarat Jawatankuasa MAIS**

5. (1) Pengerusi, atau jika Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi, hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat Jawatankuasa MAIS.

(2) Lima orang anggota Jawatankuasa MAIS hendaklah membentuk korum bagi mana-mana mesyuarat jawatankuasa MAIS.

(3) Semua keputusan Jawatankuasa MAIS hendaklah dibuat dalam mesyuarat dengan sebulat suara atau lebih suara anggota yang hadir.

(4) Sekiranya terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Jawatankuasa MAIS boleh membenarkan mana-mana pegawai JAIS, penghulu mukim atau ketua kampung untuk turut menghadiri mesyuarat Jawatankuasa itu, tetapi pegawai, penghulu atau ketua kampung itu tidak berhak mengundi.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa arahan MAIS, Jawatankuasa MAIS boleh menetapkan prosedurnya sendiri.

## BAHAGIAN III

## PENTADBIRAN MASJID

**Pegawai Masjid dan Jawatan-kuasa Kariah**

6 (1) Setiap masjid hendaklah ditadbirkan oleh Pegawai Masjid dan suatu Jawatankuasa Kariah yang terdiri daripada -

(a) seorang Setiausaha;

(b) seorang Bendahari;

(c) lapan orang anggota lain, termasuk seorang wakil pemuda dan seorang wakil wanita; dan

(d) dua orang Pemeriksa Kira-Kira.

(2) Pegawai masjid bagi setiap masjid hendaklah menjadi anggota ex-officio Jawatankuasa Kariah masjid itu.

(3) Pegawai masjid dan anggota Jawatankuasa Kariah hendaklah setiap seorang dilantik dan diberi tauliah oleh MAIS.

(4) MAIS boleh dari semasa ke semasa memberikan arahan kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid tentang pentadbiran dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan masjid itu dan kariahnya, termasuk mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di bawah Kaedah-Kaedah ini, dan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu hendaklah mematuhi arahan-arahan itu.

**Penyelia dan penasihat**

7. (1) Pegawai Tadbir Agama sesuatu daerah atau kawasan hendaklah menyelia semua masjid dalam daerah atau kawasan itu.

(2) Penghulu sesuatu mukim dan ketua kampung sesuatu kampung hendaklah masing-masing menjadi penasihat dan penolong penasihat bagi masjid-masjid dalam mukim dan kampungnya.

## BAHAGIAN IV

## PEMILIHAN NAZIR DAN JAWATANKUASA KARIAH

**Pemilihan**

8. (1) Bagi setiap masjid, Pegawai Tadbir Agama bagi daerah atau kawasan tempat terletaknya masjid itu hendaklah mendapatkan nama sekurang-kurangnya 20 orang calon, termasuk sekurang-kurangnya seorang calon untuk menjadi wakil pemuda dan seorang calon untuk menjadi wakil wanita, daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung tempat terletaknya masjid itu atau, jika sesuatu masjid tidak terletak dalam kawasan yang mempunyai Jawatankuasa sedemikian, daripada badan-badan kebajikan Islam di dalam kariah masjid itu, bagi maksud perlantikan sebagai Nazir dan anggota Jawatankuasa Kariah bagi masjid itu.

(2) Pegawai Tadbir Agama yan disebut dalam subkaedah (1) hendaklah mengemukakan nama calon-calon yang disebut dalam subkaedah itu kepada Setiausaha Jawatankuasa MAIS berserta dengan ulasannya tentang kesesuaian calon-calon itu.

(3) Apabila Setiausaha Jawatankuasa MAIS menerima nama-nama calon dan ulasan yang disebut dalam subkaedah (2), dia hendaklah mengemukakan nama-nama itu kepada Jawatankuasa MAIS untuk pemilihan.

(4) Jawatankuasa MAIS hendaklah memilih calon yang layak untuk dilantik menjadi Nazir dan anggota Jawatankuasa

Kariah dan mengemukakan kepada MAIS nama calon-calon itu.

(5) Jawatankuasa MAIS boleh, sebelum membuat pemilihan di bawah subkaedah (4), mengarahkan Pegawai Tadbir Agama yang mengemukakan nama calon-calon di bawah subkaedah (1) supaya mendapatkan ulasan mana-mana pihak yang ditentukan oleh Jawatankuasa MAIS itu tentang calon-calon itu dan mengemukakan ulasan itu kepada Jawatankuasa MAIS itu.

**Kelayakan**

9. (1) Tiada seorang pun layak dicalonkan untuk menjadi Nazir atau anggota Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid melainkan jika dia -

(a) berumur tidak kurang daripada 21 tahun tetapi tidak lebih daripada 60 tahun;

(b) tinggal tetap dalam kariah masjid itu;

(c) boleh membaca, menulis dan mengira;

(d) mempunyai pengetahuan agama Islam;

(e) mempunyai akhlak yang mulia dan amanah;

(f) selalu membuat amal kebajikan;

(g) selalu solat berjemaah di masjid;

(h) sihat tubuh badan dan mental; dan

(i) mempunyai daya kepimpinan.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(a), MAIS boleh melantik seseorang yang berumur lebih daripada 60 tahun untuk menjadi Nazir atau anggota Jawatankuasa Kariah atas syarat-syarat yang difikirkan patut oleh MAIS.

**Nazir dan Jawatankuasa Kariah sedia ada.**

10. Tiap-tiap orang yang menjadi Nazir atau anggota Jawatankuasa Kariah sebelum sahaja Kaedah-Kaedah ini mula berkuatkuasa hendaklah disifatkan telah dilantik mengikut Kaedah-Kaedah ini.

**Tempoh jawatan**

11. Tiap-tiap Nazir dan anggota Jawatankuasa Kariah yang dilantik di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dari tarikh perlantikannya dan boleh dilantik semula.

**Kekosongan jawatan**

12. (1) Tiap-tiap Nazir dan anggota Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid hendaklah terhenti memegang jawatan apabila -

(a) dia meningal dunia;

(b) dia tidak lagi tinggal tetap dalam kariah masjid itu;

(c) dia meletakkan jawatannya mengikut subkaedah (2);

(d) jawatannya ditamatkan mengikut subkaedah 33(1); atau

(e) tertakluk kepada subkaedah 9(2), dia mencapai umur 60 tahun.

(2) Seseorang Nazir atau anggota Jawatankuasa Kariah boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis mengenai perletakan jawatan itu kepada MAIS dan perletakan jawatan itu hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh MAIS menerima notis bertulis itu.

(3) MAIS boleh melantik seorang lain untuk mengisi kekosongan jawatan Nazir atau mana-mana anggota Jawatankuasa Kariah yang terhenti memegang jawatan di bawah subkaedah (1).

(4) Kaedah 8 dan 9 hendaklah terpakai bagi maksud perlantikan di bawah subkaedah (3) kecuali bahawa bagi

setiap kekosongan nama sekurang-kurangnya tiga orang calon hendaklah dikemukakan di bawah kaedah 8.

(5) Seseorang yang dilantik di bawah subkaedah (3) hendaklah memegang jawatan hanya selama baki tempoh jawatan Nazir atau anggota Jawatankuasa Kariah yang terhenti memegang jawatan itu.

## BAHAGIAN V

## FUNGSI PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA KARIAH

**Fungsi Pegawai Masjid dan Jawatan-kuasa Kariah.**

13 (1) Pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid hendaklah membantu MAIS mentadbirkan masjid itu dan mengawal semua tanah wakaf dan tanah perkuburan Islam di dalam kariahnya mengikut Enakmen dan Kaedah-Kaedah ini.

(2) Pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid hendaklah -

(a) mentadbirkan dan mengawasi semua tanah wakaf dan perkuburan Islam di kariah masjid itu dan sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan tanah wakaf dan perkuburan itu;

(b) memastikan bahawa tiada kerja pembinaan dilakukan di atas tanah-tanah wakaf dan perkuburan Islam itu tanpa kebenaran bertulis MAIS;

(c) mengawasi, memungut dan menyimpan segala hasil wakaf mengikut terma wakaf atau sebagaimana yang diarahkan oleh MAIS;

(d) membantu MAIS memajukan tanah-tanah wakaf untuk mendapatkan hasil daripadanya setelah mendapat kelulusan MAIS;

(e) memberikan nasihat kepada anak kariah masjid itu tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam:

(f) memberitahu MAIS jika mana-mana anak kariah masjid itu melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar ajaran agama Islam atau tidak mematuhi -

(i) Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis lain tentang agama Islam;

(ii) apa-apa arahan atau nama amaran MAIS; atau

(iii) apa-apa arahan atau amaran mana-mana Pegawai Masjid atau Jawatankuasa Kariah masjid itu;

(g) mengawasi perjalanan tiap-tiap surau dalam kariah masjid itu;

(h) menganjurkan kegiatan keagamaan Islam, dan perhimpunan atau majlis sambutan hari-hari kebesaran Islam dari semasa ke semasa di dalam kariah masjid itu;

(i) membanci dan mendaftarkan orang-orang Islam yang bermastautin atau bermukim dalam kariah itu:

(j) menjalankan daya usaha untuk mengekalkan, memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat orang Islam di dalam kariah itu dan berusaha mencari jalan untuk meninggikan taraf hidup dan ekonomi orang-orang Islam serta menambahkan amalan dan taqwa mereka kepada Allah; dan

(k) memberitahu MAIS dengan segera tentang kekosongan jawatan Pegawai Masjid itu atau anggota Jawatankuasa Kariah itu yang telah atau dijangkakan akan berlaku.

(3) Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid boleh memungut atau menerima derma, hadiah atau wakaf untuk tabung masjid itu sesudah mendapat kebenaran bertulis daripada MAIS.

**Penglibatan anak kariah dalam pentadbiran kariah masjid**

14. (1) Dalam atau bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya mentadbirkan masjid di bawah seksyen 64 pentadbiran masjid. Enakmen dan di bawah Kaedah-Kaedah ini, pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid hendaklah -

(a) dari semasa ke semasa meminta buah fikiran dan saranan daripada anak kariah itu dan mengadakan rundingan dan dialog dengan mereka tentang perkara yang termasuk dalam bidang fungsi Pegawai Masjid atau Jawatankuasa Kariah itu dan hendaklah menimbangkan dan mengambil kira buah fikiran dan saranan sedemikian;

(b) dari semasa ke semasa, atau apabila diminta oleh anak kariah itu, memberitahu anak kariah itu tentang aktiviti dan hal-ehwal kewangan masjid itu dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu; dan

(c) jika mereka tidak berupaya menyelesaikannya, merujukkan kepada MAIS untuk keputusan MAIS apa-apa masalah, soalan, pertikaian atau percanggahan yang timbul berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam bidang fungsi mereka atau yang berbangkit semasa mereka melaksanakan fungsi itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(a), Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid boleh mengundang mana-mana anak kariah sesuatu masjid itu untuk menghadiri mesyuarat mereka.

(3) Apa-apa keputusan MAIS di bawah perenggan (1)(c) adalah muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu.



Tugas
Nazir

Tuga
Imai

**Tugas-tugas Nazir**

15. Nazir sesuatu masjid hendaklah -

(a) mengetuai pengurusan dan pentadbiran masjid itu;

(b) berkenaan dengan tiap-tiap mesyuarat dan mesyuarat khas Jawatankuasa Kariah dan tiap-tiap mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas masjid itu -

(i) hadir dan mempengerusikan mesyuarat serta memastikan bahawa mesyuarat itu berjalan dengan sempurna dan tenteram;

(ii) mempunyai undi pemutus jika bilangan undi sama banyak; dan

(iii) menandatangani minit atau catatan mesyuarat;

(c) bersama dengan Bendahari, menandatangani semua cek yang dikeluarkan bagi pihak masjid itu;

(d) menandatangani segala surat dan dokumen rasmi masjid itu;

(e) mewakili Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu dalam mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh mana-mana pihak lain; dan

(f) menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS.

**Tugas-tugas Imam**

16. Imam sesuatu masjid hendaklah -

(a) menjadi pegawai Syarie dalam kariah masjid itu dan mengimamkan solat fardhu dan apa-apa solat berjemaah lain di masjid itu;

(b) mengetuai urusan fardhu kifayah ke atas jenazah

orang Islam yang mati di kariah masjid itu sehingga sempurna dikebumikan;

(c) membaca khutbah Jumaat dan khutbah Hari Raya;

(d) memberikan nasihat dan tunjuk ajar dalam perkara-perkara tentang agama Islam kepada anak kariah masjid itu sedaya upayanya;

(e) mengetuai, mengawasi dan mengatur pengajaran agama Islam di kalangan anak-anak kariah masjid itu;

(f) membimbing Bilal, Siak dan anak kariah masjid itu dalam menjalankan tugas-tugas Imam;

(g) menghadiri tiap-tiap mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu; dan

(h) menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS atau oleh Nazir masjid itu.

**Tugas-tugas Bilal**

16. Bilal sesuatu masjid hendaklah -

(a) menjaga waktu solat fardhu;

(b) Azan serta Qamat bagi tiap-tiap solat fardhu sehari semalam dalam lingkungan masa dari jam 5.00 pagi hingga 9.00 malam;

(c) membaca Tarhim dan Ayat Al-Quran sebelum Azan bagi solat Subuh dan Taslim dan Ayat Quran sebelum Azan bagi solat Jumaat;

(d) membaca ayat Al-Quran yang tertentu ketika Imam atau Khatib menaiki Mimbar pada solat Jumaat;

(e) membaca Salawat dan Doa Ringkas ketika Imam

atau Khatib duduk antara dua khutbah dalam solat Jumaat dan solat Hari Raya;

(f) mengingatkan jemaah tentang niat solat Hari Raya dan Kaifiatnya sebelum solat itu dimulakan;

(g) menggantikan Imam sebagai Imam Rawatib dan sebagai Imam Tarawikh dalam bulan Ramadhan semasa ketiadaan Imam;

(h) berselawat solat Tarawikh;

(i) bertadarus membaca Al-Quran di masjid;

(j) mengajar Muqaddam dan Al-Quran kepada kanak-kanak;

(k) mengajar perkara-perkara Fardhu 'Ain kepada orang dewasa di waktu-waktu yang ditetapkan;

(l) mengajar dan berlatih membaca Marhaban dan Berzanji;

(m) memandikan jenazah orang Islam apabila diminta berbuat demikian;

(n) memimpin Tahlil Arwah dan Doa Selamat, Marhaban dan Berzanji apabila diminta berbuat demikian;

(o) membacakan Yasin kepada orang sakit apabila diminta berbuat demikian;

(p) menghadiri tiap-tiap mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu; dan

(q) menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS atau oleh Nazir atau Imam masjid itu.

**Tugas-tugas Siak**

18. Siak sesuatu masjid hendaklah:-

(a) menjaga kebersihan seluruh masjid itu;

(b) memastikan bahawa pintu-pintu masjid dibuka dan ditutup pada setiap hari;

(c) memastikan tikar dan sejadah dibentangkan sebelum solat Jumaat dan solat Hari Raya dan digulung selepas solat itu;

(d) memastikan tandas-tandas, bilik-bilik mandi, tempat wuduk dan kolam masjid itu dibersihkan;

(e) memastikan tikar, sejadah, kain saf dan kelengkapan lain di masjid itu dalam keadaan bersih;

(f) memastikan dan bertanggungjawab atas keselamatan barang-barang masjid;

(g) memastikan paip air, suis lampu dan kipas angin dibuka atau dihidupkan jika diperlukan dan ditutup atau dimatikan selepas itu;

(h) melaporkan apa-apa kejadian yang tidak diingini yang berlaku di masjid itu kepada Nazir atau Imam masjid itu;

(i) memastikan jamuan more yang disediakan oleh masjid atau yang dibawa oleh anak kariah dimasak dan dihidangkan;

(j) menghadiri tiap-tiap mensyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu; dan

(k) menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS atau oleh Nazir atau Imam masjid itu;

**Tugas-tugas Setiausaha**

19. Setiausaha sesuatu masjid hendaklah -

(a) membantu Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu dalam melaksanakan tugas-tugas mereka supaya tugas-tugas mereka dapat dijalankan dengan licin;

(b) menghadiri tiap-tiap mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu, mencatatkan butir-butir dan keputusan mesyuarat itu serta mengedarkan minit-minit mensyuarat kepada anggota mesyuarat yang berkenaan pada atau sebelum mesyuarat yang berikutnya;

(c) memanggil mesyuarat atau mesyuarat khas Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu, atau mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung khas masjid itu atau apa-apa mesyuarat lain yang diarahkan oleh Nazir masjid itu atau MAIS dan menjalankan segala keputusan mesyuarat itu;

(d) mengendalikan segala surat-menyurat dan menyimpan segala rekod kegiatan, cop-cop dan dokumen-dokumen Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu;

(e) menyediakan laporan tahunan tentang kegiatan masjid itu;

(f) bersama dengan Bendahari, jika Nazir tiada, menandatangani cek-cek yang dikeluarkan bagi pihak masjid itu;

(g) bertindak sebagai pegawai perhubungan antara Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah dengan anak kariah masjid itu dan di antara Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu dengan MAIS;

(h) membanci dan mendaftarkan semua orang Islam yang bermastautin atau bermukim dalam kariah masjid itu; dan

(i) menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS atau oleh Nazir masjid itu.

**Tugas-tugas Bendahari**

20. Selain daripada tugas yang diperuntukkan oleh kaedah 29, Bendahari Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid hendaklah -

(a) menghadiri tiap-tiap mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu;

(b) bersama dengan Nazir atau, jika Nazir tiada, bersama dengan Setiausaha, menandatangani semua cek yang dikeluarkan bagi pihak masjid itu;

(c) mengawal dan menyimpan akaun yang betul bagi hal-ehwal kewangan masjid itu dalam buku akaun kewangannya;

(d) menerima segala wang yang dibayar atau diberikan kepada masjid itu dan mengeluarkan resit baginya;

(e) membuat bayaran yang telah diluluskan oleh mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu dan mengadakan baucer-baucer pembayaran yang sempurna dan sah baginya;

(f) menyediakan Penyata Kewangan bagi masjid itu tiap-tiap enam bulan sekali dan mengemukakannya kepada MAIS;

(g) semasa menjalankan tugasnya, mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh JAIS tentang pengurusan kewangan masjid di Negeri Selangor;

(h) menyediakan penyata kewangan masjid itu bagi tahun kewangan yang baru selesai dan membentangkannya dalam semua mesyuarat termasuk mesyuarat agung tahunan masjid itu dan menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun semasa; dan

(j) menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS atau oleh Nazir masjid itu;

**Tugas-tugas anggota lain Jawatankuasa Kariah.**

21. Tiap-tiap anggota Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid selain daripada Setiausaha dan Bendahari hendaklah -

(a) menghadiri tiap-tiap mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu;

(b) memberikan fikiran, pandangan dan cadangan atas perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat itu;

(c) jika diketahuinya ada di kariah masjid itu apa-apa perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam, melaporkannya dengan seberapa segera yang boleh kepada mesyuarat itu untuk dibincangkan sebelum perkara itu dilaporkan kepada MAIS.

(d) menjalankan apa-apa tugas yang telah diputuskan dalam mesyuarat itu supaya dijalankan olehnya;

(e) membantu Pegawai Masjid, Setiausaha dan Bendahari melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugas mereka dan bersesama dengan anggota Jawatankuasa Kariah yang lain melaksanakan fungsi-fungsi Jawatankuasa Kariah seperti yang diperuntukkan dalam kaedah 13;

(f) membantu Siak masjid itu menjalankan tugas-tugasnya di bawah perenggan 18(i); dan

(g) menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS atau oleh Nazir masjid itu.

Tugas-tugas Pemeriksa Kira-Kira

22. Pemeriksa Kira-Kira sesuatu masjid hendaklah -

(a) memeriksa buku-buku akaun masjid sekurang-kurangnya tiga bulan sekali dan memberikan laporan lengkap tentangnya kepada Nazir masjid itu dan MAIS;

(b) menghadiri mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh Nazir; dan

(c) menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS atau oleh Nazir masjid itu.

## BAHAGIAN VI

## BIRO-BIRO

**Penubuhan Biro**

23.(1) Bagi memastikan bahawa pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah setiap masjid dapat melaksanakan fungsi-fungsi mereka dengan cekap dan berkesan, Jawatankuasa Kariah itu boleh menubuhkan apa-apa bilangan biro, yang tidak melebihi sepuluh, yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Kariah itu.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), MAIS boleh -

(a) membenarkan penubuhan lebih daripada sepuluh biro; atau

(b) menghendaki penubuhan sesuatu biro tertentu.

(3) Setiap biro yang ditubuhkan bagi sesuatu masjid hendaklah diketuai oleh seorang Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah masjid itu yang dilantik dalam mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu.

(4) Ketua setiap biro yang ditubuhkan bagi sesuatu masjid boleh melantik tidak lebih daripada enam orang anak kariah masjid itu untuk menjadi anggota jawatankuasa biro itu bagi membantu biro itu menjalankan tugas-tugasnya.

(5) Tempoh jawatan setiap anggota jawatankuasa sesuatu biro tidak boleh melebihi tempoh jawatan Jawatankuasa Kariah yang menubuhkan biro itu.

(6) Setiap anggota jawatankuasa sesuatu biro hendaklah terhenti memegang jawatan apabila -

(a) dia meninggal dunia;

(b) dia meletakkan jawatannya;

(c) jawatannya ditamatkan menurut subkaedah 33(1);

(d) dia tidak lagi menjadi anak kariah masjid itu; atau

(e) tamat tempoh jawatan Jawatankuasa Kariah yang menubuhkan biro itu.

(7) Bagi maksud subkaedah (4), seseorang yang dilantik untuk menjadi anggota jawatankuasa sesuatu biro tidak boleh dilantik menjadi anggota jawatankuasa mana-mana biro yang lain.

(8) Ketua setiap biro yang ditubuhkan dalam sesuatu kariah masjid hendaklah -

(a) mempengerusikan tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa biro itu;

(b) melaporkan semua keputusan mesyuarat itu kepada mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu untuk mendapatkan kelulusannya; dan

(c) melaksanakan semua program biro itu yang telah diluluskan oleh mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu.

(9) Ketua dan anggota jawatankuasa setiap biro yang ditubuhkan dalam sesuatu kariah masjid hendaklah menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS atau oleh Nazir masjid itu.

## BAHAGIAN VII

## MESYUARAT

**Mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatan-kuasa Kariah**

24.(1) Mesyuarat pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah setiap masjid hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua bulan sekali.

(2) Setiap mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah hendaklah mengandungi agenda yang berikut;

(a) bacaan doa selamat dan Al-Fatihah;

(b) ucapan pengerusi;

(c) pengesahan minit mesyuarat yang lalu;

(d) perkara berbangkit;

(e) laporan biro-biro;

(f) laporan kewangan

(g) perbincangan aktiviti masjid;

(h) hal-hal lain; dan

(i) penangguhan mesyuarat dengan bacaan Surah Wal-'Asr.

(3) Nazir sesuatu masjid hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu, dan jika Nazir tidak hadir Pegawai Masjid dan anggota-anggota Jawatankuasa Kariah yang hadir boleh melantik salah seorang daripada yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Sepuluh orang Pegawai Masjid dan anggota Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid yang hadir hendaklah membentuk korum bagi mana-mana mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah itu.

(5) Keputusan mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid hendaklah dibuat secara sebulat suara atau lebih suara Pegawai Masjid dan anggota-anggota Jawatankuasa Kariah itu yang hadir.

(6) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa arahan MAIS, Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid boleh menetapkan prosedur mesyuaratnya sendiri.

**Mesyuarat khas Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah**

25. (1) Mesyuarat khas Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid boleh diadakan pada bila-bila masa apabila berbangkit sesuatu perkara mustahak, dan setiap mesyuarat sedemikian hendaklah diadakan hanya untuk membincangkan satu perkara tertentu sahaja.

(2) Subkaedah 24(3) hingga 24(6) hendaklah terpakai bagi mesyuarat khas yang diadakan di bawah subkaedah (1)

**Mesyuarat agung tahunan**

26. (1) Mesyuarat agung tahunan sesuatu masjid hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun dalam bulan Julai atau Ogos.

(2) Setiap mesyuarat agung tahunan sesuatu masjid hendaklah mengandungi agenda yang berikut:

(a) bacaan doa selamat dan Al-Fatihah;

(b) ucapan pengerusi;

(c) pengesahan minit mesyuarat agung tahunan yang lalu;

(d) perkara berbangkit;

(e) pembentangan penyata kewangan masjid bagi tahun lalu, dan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun semasa;

(f) perbincangan usul-usul dan cadangan; dan

(g) penangguhan mesyuarat dengan bacaan Surah Wal-'Asr.

(3) Nazir sesuatu masjid hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat agung tahunan masjid itu, dan jika Nazir tidak hadir, anak kariah yang hadir boleh melantik salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) 40 orang atau satu perempat daripada jumlah anak kariah sesuatu masjid yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun, mengikut mana-mana yang kurang, hendaklah membentuk korum bagi mesyuarat agung tahunan masjid itu.

(5) Keputusan mesyuarat agung tahunan sesuatu masjid hendaklah dibuat secara sebulat suara atau lebih suara anak kariah yang hadir.

**Mesyuarat agung kahas**

27. (1) Mesyuarat agung khas sesuatu masjid boleh diadakan pada bila-bila masa dengan perintah Nazir atau dengan permintaan bertulis oleh 40 orang atau satu perempat jumlah anak kariah masjid itu yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun, mengikut mana-mana yang kurang, untuk membincangkan sesuatu perkara penting setelah dipersetujui oleh mesyuarat Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu.

(2) Subkaedah 26(3) hingga 26(5) hendaklah terpakai bagi mesyuarat agung khas yang diadakan di bawah subkaedah (1).

## BAHAGIAN VIII

## KEWANGAN

**Elaun atau gaji Imam, Bilal atau Siak**

28. Imam, Bilal atau Siak sesuatu masjid boleh dibayar atau elaun atau gaji daripada wang masjid itu dengan kebenaran MAIS melainkan jika dia menerima saraan sebagai pegawai awam.

**Akaun, penyata kewangan dan wang masjid**

29. (1) Bendahari setiap masjid hendaklah menyimpan akaun-akaun dan rekod-rekod yang sepatutnya bagi segala urusan masjid itu yang melibatkan perbelanjaan atau penerimaan wang dan hendaklah menyediakan suatu penyata akaun mengenainya pada setiap tahun.

(2) Bendahari setiap masjid hendaklah menghantar laporan kewangan masjid itu kepada MAIS tiap-tiap enam bulan sekali, iaitu bagi akaun yang berakhir pada 30 Jun dan yang berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

(3) Semua wang sesuatu masjid dan wang untuk faedah sesuatu masjid hendaklah didepositkan di Bank Islam yang paling hampir dengan masjid itu atau dalam kemudahan perbankan Islam di mana-mana bank lain sebagaimana yang diluluskan oleh Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu.

**Pengauditan akaun**

30. Akaun sesuatu masjid bolehlah diaudit oleh juruaudit bertauliah jika terdapat keraguan, dan perbelanjaan pengauditan hendaklah ditanggung oleh masjid itu.

## BAHAGIAN IX

## PENGAWALAN

**Pemeriksaan oleh ahli, pegawai MAIS dan JAIS**

31. Pada bila-bila masa yang munasabah, Setiausaha atau mana-mana ahli MAIS atau mana-mana pegawai MAIS atau JAIS yang diberikuasa secara bertulis oleh MAIS boleh;

(a) memeriksa mana-mana masjid dan segala buku, akaun dan dokumen lain yang berkaitan dengan pentadbiran masjid itu dan pelaksanaan fungsi Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah masjid itu; dan

(b) menghendaki mana-mana Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah masjid itu supaya menjadikan tersedia untuk Setiausaha atau ahli atau pegawai itu bagi pemeriksaannya apa-apa buku, akaun atau dokumen lain yang berkaitan dengan pentadbiran masjid itu atau pelaksanaan fungsi-fungsi Pegawai Masjid atau Jawatankuasa Kariah itu, dan Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah itu hendaklah mematuhi kehendak sedemikian.

**Tindakan Pegawai Masjid dsb. yang tidak berpatutan**

32. Jika MAIS atau Setiausaha MAIS berpuas hati, setelah menjalankan siasatan yang wajar, bahawa mana-mana Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah atau jawatankuasa biro sesuatu masjid -

(a) telah bertindak atau bercadang hendak bertindak secara yang tidak berpatutan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Kaedah-Kaedah ini; atau

(b) telah tidak menjalankan apa-apa tugas yang dipertanggungkan padanya di bawah Kaedah-Kaedah ini,

MAIS atau Setiausaha MAIS boleh memberikan arahan secara bertulis menghendaki Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah atau anggota jawatankuasa biro itu melaksanakan fungsi-fungsinya mengikut cara yang ditentukan oleh MAIS dan Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah atau jawatankuasa biro itu hendaklah mematuhi arahan itu.

**Penggantungan atau penamatan jawatan**

33.(1) Jika mana-mana Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah atau jawatankuasa biro sesuatu masjid

(a) menghalang atau enggan membenarkan pemeriksaan dibuat di bawah perenggan 31(a);

(b) tidak mematuhi kehendak di bawah perenggan 31(b)

(c) tidak mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS di bawah Kaedah-Kaedah ini; atau

(d) berkelakuan yang mencemarkan agama Islam,

MAIS boleh menggantung atau menamatkan jawatan Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah itu atau mengarahkan ketua biro itu supaya menamatkan jawatan anggota jawatankuasa biro itu.

(2) Sebelum membuat keputusan di bawah subkaedah(1), MAIS boleh merujukkan perkara yang disebut dalam subkaedah itu kepada Jawatankuasa MAIS untuk mendapatkan nasihatnya.

(3) Walau apa pun subkaedah(1), tiada seorang pun boleh digantung atau ditamatkan jawatannya di bawah subkaedah itu melainkan jika dia telah diberi peluang untuk didengar.

(4) Subkaedah 12(3), 12(4) dan 12(5) hendaklah terpakai berkenaan dengan jawatan yang menjadi kosong oleh sebab penamatan jawatan di bawah kaedah ini, kecuali bahawa bagi anggota jawatankuasa biro, perlantikan hendaklah dibuat oleh ketua biro itu.

## BAHAGIAN X

## PELBAGAI

**Fungsi Masjid**

34. (1) Masjid hendaklah digunakan sebagai -

(a) tempat untuk orang-orang Islam beribadat, terutamanya untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat.;

(b) pusat kegiatan agama Islam dan penyebaran dakwah; dan

(c) pusat sumber maklumat penduduk dan maklumat tentang MAIS dan maklumat lain.

(2) Masjid tidak boleh digunakan sebagai -

(a) gelanggang politik

(b) hotel, rumah tumpangan atau tempat penginapan.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), Imam boleh mengikut budi bicaranya memberikan kebenaran kepada musafir, yang safarnya diharuskan sembahyang Qasar, untuk menginap di masjid selama tempoh yang tidak melebihi satu malam.

**Bantahan, dsb., hendaklah dikemukakan kepada MAIS**

35. Mana-mana orang yang tidak berpuasa hati dengan mana-mana pemilihan atau perlantikan di bawah Kaedah-Kaedah ini boleh mengemukakan bantahan, ketidakpuasan hati atau rayuannya kepada MAIS.

**Kewajipan Imam, Bilal dan Siak untuk mematuhi kaedah 16, 17 dan 18.**

36. Tiap-tiap Imam, Bilal dan Siak, hendaklah mematuhi kaedah 16,17 dan 18 di samping peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang terpakai baginya sebagai pegawai dalam perkhidmatan awam di bawah atau menurut mana-mana undang-undang tentang perkhidmatan awam.

**Pemakaian bagi surau**

37. Kaedah-Kaedah ini, kecuali Bahagian II dan kaedah 8, hendaklah terpakai bagi tiap-tiap surau dalam Negeri Selangor dengan ubahsuaian-ubahsuaian yang berikut:

(a) "masjid" hendaklah digantikan dengan "surau"

(b) "Nazir" hendaklah digantikan dengan "Pengerusi"

(c) "Jawatankuasa Kariah" hendaklah digantikan dengan "Jawatankuasa Surau";

(d) semua sebutan tentang solat Jumaat hendaklah ditinggalkan;

(e) tiap-tiap surau hendaklah melantik, sebagai tambahan kepada Pengerusi, Imam, Bilal dan Siak, seorang Bilal wanita atau Bilal Jenazah wanita;

(f) bilangan pegawai surau dan anggota Jawatankuasa Surau tidak boleh melebihi 10 orang (termasuk Pengerusi, Imam, Bilal, Siak, Bilal wanita atau Bilal Jenazah wanita dan seorang wakil pemuda dan wakil wanita);

(g) pemilihan dan perlantikan pegawai surau dan anggota Jawatankuasa Surau hendaklah dibuat dalam mesyuarat agung tahunan surau itu: dan

(h) mesyuarat agung tahunan surau hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun dalam bulan April.

Alamat surat-menyurat kepada MAIS

38. Semua surat-menyurat kepada MAIS hendaklah dialamatkan kepada -

Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor,
Tingkat 2, Podium Utara,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40676 Shah Alam

Dibuat pada 21 Februari 1995
[P.U.SEL. 2780]

Dengan Titah Perintah,

**TAN SRI DATO' HAJI MUHAMMAD BIN HAJI MUHAMMAD TAIB,**
Menteri Besar, Selangor

**DATO' TIK BIN MUSTAFFA,**
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor



JA

# KAEDAH-KAEDAH PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA KARIAH(NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 1999

# ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

## KAEDAH-KAEDAH PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA KARIAH (NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 1999

(MOHOR KERAJAAN)

TENGKU IDRIS SHAH IBNI SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ
*Pemangku Raja*

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 64 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Majlis, dengan kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 82 Enakmen itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, membuat kaedah-kaedah yang berikut: *En. 2/89.*

Nama dan permulaan kuatkuasa

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 1999** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 30 Julai 1999.

Pindaan kaedah 33. *Sel. P.U. 4/1995*

2. Kaedah 33 Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 yang disebut "kaedah ibu" dalam kaedah-kaedah ini adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

"(1) Jika mana-mana Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah atau jawatankuasa biro sesuatu masjid—

(*a*) menghalang atau enggan membenarkan pemeriksaan dibuat di bawah perenggan 31(*a*);

(*b*) tidak mematuhi kehendak di bawah perenggan 31(*b*);

(*c*) memberi ceramah, syarahan atau khutbah Jumaat atau khutbah Hari Raya yang mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan benci atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau bagi mengembangkan perasaan buruk sangka dan permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk Malaysia;

(*d*) mengedar, menjual atau menawarkan untuk dijual di dalam masjid apa-apa penerbitan yang mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan benci atau penghinaan atau membangkitkan

perasaan tidak suka terhadap Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mengembangkan perasaan buruk sangka dan permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk Malaysia;

(*e*) menjemput penceramah atau penceramah-penceramah daripada mana-mana parti politik untuk memberi ceramah, syarahan atau Khutbah Jumaat atau Khutbah Hari Raya yang mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan benci atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau bagi mengembangkan perasaan buruk sangka dan permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk Malaysia;

(*f*) melakukan atau cuba melakukan atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan, atau bermuafakat dengan mana-mana orang untuk melakukan, apa-apa perbuatan yang pada pandangan MAIS, mempunyai kecenderungan atau jika dilakukan, tetap mempunyai kecederungan bagi mendatangkan benci atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mengembangkan perasaan buruk sangka dan permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk Malaysia;

(*g*) tidak mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MAIS atau Setiausaha MAIS di bawah Kaedah-Kaedah ini; atau

(*h*) berkelakuan yang mencemarkan agama Islam,

MAIS boleh menggantung atau menamatkan jawatan Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah itu atau mengarahkan ketua biro itu supaya menamatkan jawatan anggota jawatankuasa biro itu."; dan

(*b*) dengan memotong perkataan-perkataan "12(4)" dalam subkaedah (4).

Pindaan kaedah 37

3. Kaedah 37 kaedah ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menomborkan semula kaedah yang sedia ada sebagai subkaedah (1);
